



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN PENGURUSAN KOMPETENSI
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aris 5 & 6, SAPUBA@MINES
7 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN



Pemenang Anugerah Kualiti
Pendaftar Menteri 2004



Tel. : 03-89484800
Faks : 603-89464541/89450211

Ruj. Kami: JPA (K)(S) 241/85(9)

Tarikh : 23 Februari 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

PELAKSANAAN PERMOHONAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SECARA ONLINE

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Permohonan peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) sebelum ini dilaksanakan secara manual menggunakan borang OMR. Selaras dengan keperluan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, semua permohonan menduduki peperiksaan perkhidmatan hendaklah dibuat secara *online* melalui laman web JPA www.jpa.gov.my.

3. Sehubungan itu, Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan perubahan kaedah permohonan peperiksaan berkenaan kepada semua pegawai yang terlibat. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan maklumat yang dikemukakan oleh pemohon adalah benar dan sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, keputusan peperiksaan berkenaan akan terbatal.

4. Permohonan peperiksaan perkhidmatan secara *online* ini telah dilancarkan pada 7 Februari 2007. Mulai tarikh ini, semua permohonan hendaklah dibuat secara *online*. Walau bagaimanapun, permohonan yang telah dibuat menggunakan borang OMR hanya boleh digunakan bagi peperiksaan yang tarikh tutupnya sebelum atau pada 31 Mac 2007. Peperiksaan yang tarikh tutupnya mulai 1 April 2007 perlu memohon secara *online*. Bagi calon yang telah menghantar borang OMR untuk peperiksaan yang tarikh tutupnya mulai 1 April 2007 hendaklah mengisi semula permohonan secara *online*.

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh disalurkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pengurusan Kompetensi
Aras 5 - 6, Sapura @ Mines
No.7 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Telefon : 03-8946 4500 / 4547 / 4548 / 4574

No. Faks : 03-8946 4541 / 8945 0211

e-mel : peperiksaan@jpa.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SOHIME BIN AHMAD)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA